

Pengusaha PKS lega

Harian Metro
24/10/15
mls 18

■ Pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun mampu kawal harga barangan

“ Dengan pengecualian cukai pendapatan 100 peratus selama 10 tahun ini, ia dapat mengawal harga barangan keperluan”

Musleha Zainuddin



Musleha Zainuddin, 34, berkata, dalam keadaan ekonomi tidak menentu, pengumuman itu menjadi mekanisme terbaik buatnya.

“Walaupun harga produk seperti kerepek dan bahu keluaran syarikat kami terpaksa dinaikkan, pe-

anggan masih mampu membeli namun sekarang pelanggan kurang berbeza kerana memberi fokus kepada barangan keperluan saja.

“Dengan pengecualian cukai pendapatan 100 peratus selama 10 tahun ini, ia dapat mengawal harga barangan keperluan.

“Kami yakin dengan usaha kerajaan, pengusaha PKS akan berjaya menaikkan lagi ekonomi negara,” katanya ketika dihubungi.

Dalam pembentangan Bajet 2016 semalam, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan syarikat yang menjalankan projek baru pengeluaran ba-

han makanan diberi pengecualian cukai pendapatan 100 peratus selama 10 tahun.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Anis Food Sdn Bhd, Junaidy Abu Bakar, 33, berkata, dia bersyukur dengan keprihatinan kerajaan dalam keadaan ekonomi yang mencabar ketika ini.

Menurutnya, ia satu insentif baik di samping menggalakkan lagi sektor PKS berkembang dengan lebih besar lagi.

Katanya, 10 tahun pengecualian cukai perniagaan yang diumumkan itu sangat ditunggu-tunggu.



Shah Alam

Pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menyambut baik usaha kerajaan memberi pengecualian cukai pendapatan kepada mereka. Pengurus MHP Enterprise,

Kerjasama pupuk usahawan digital

Kuala Lumpur: Berhad

Pusat Bandar Siber selaras bangun bakat

Kuala Lumpur: Pengumuman kerajaan untuk meniadakan Cyberjaya sebagai



RM1 BILION
Tambah RM1 billion bagi Skim Dana Pembiayaan PKS Patuh Syariah sehingga 31 Disember 2017

RM107 JUTA
RM107 juta untuk Pelan Induk PKS bagi pemberian dana di pelbagai peringkat perniagaan

RM60 JUTA
RM60 juta untuk Skim Anjakan Usahawan dan Skim Peningkatan Kapasiti serta Keupayaan PKS

RM200 JUTA
RM200 juta bagi menubuhkan dana pinjaman mudah SME Technology Transformation Fund

RM18 JUTA
RM18 juta untuk keperluan Projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan Projek Automotive Workshop Modernisation (ATOM)

RM200 JUTA
RM200 juta di bawah Skim Dana Lonjakan Teknologi dan Inovasi oleh Malaysia Debt

Kuala Lumpur: Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) menyifatkan peruntukan dana sebanyak RM100 juta untuk dua inisiatif di bawah agenda kebangsaan akan memberi manfaat kepada 100,000 orang daripada kumpulan B40.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Yasmin Mahmood berkata, MDeC gembira dengan sokongan berterusan daripada kerajaan untuk meluaskan faedah untuk eRezeki dan berharap meningkatkan jumlah bilangan pusat eRezeki kepada 66 pusat pada tahun depan daripada 33 kini.

"Kami juga berminat untuk bekerjasama dengan kerajaan untuk memupuk usahawan digital masa depan yang boleh menjana pendapatan dengan memanfaatkan permintaan berterusan untuk produk

“ Kami juga berminat untuk bekerjasama dengan kerajaan untuk memupuk usahawan digital masa depan yang boleh menjana pendapatan dengan memanfaatkan permintaan berterusan untuk produk dan perkhidmatan digital”

Yasmin Mahmood

dan perkhidmatan digital," katanya.

eRezeki adalah inisiatif yang dilancarkan MDeC pada Jun lalu untuk memajukan kumpulan B40 dengan peluang-peluang untuk mendapatkan pen-



dapatan tambahan menggunakan teknologi.

eUsahawan inisiatif yang akan mendedahkan pelajar yang mendaftar dalam Institut Latihan dan Pendidikan Teknik Vokasional (TVET) institusi dan usahawan mikro kepada model perniagaan serta peralatan digital, pengalaman praktikal dan pembangunan usahawan terkini di pasaran.

Kuala Lumpur

Bajet seimbang pertahan ekonomi negara

Pembentangan Bajet 2016 memberikan satu petanda baik Malaysia mempertahankan ekonomi negara melalui usaha yang bakal dilaksanakan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, bajet yang diumumkan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak memberi keseimbangan di antara tiga aspek utama iaitu sosial,

ekonomi dan keselamatan negara.

"Walaupun keadaan ekonomi kemuncak pada tahun ini dan kemungkinan berterusan pada tahun depan berikutan penurunan harga minyak dan komoditi lain, kandungan bajet tahun ini menerima sambutan positif daripada semua pihak," katanya.


Menurutnya, terdapat keseimbangan yang baik dari segi pembahagian belanjawan bagi tahun depan.

jadiikan Cyberjaya sebagai Pusat Bandar Siber dijangka dapat mengubah kualiti komuniti Cyberjaya dan pada masa sama meningkatkan ekosistem bandar ini.

Pengarah Urusan Cyberview Sdn Bhd, Faris Yahaya berkata, pihaknya bersedia membantu merealisasikan usaha berkenaan khususnya dari aspek pembangunan industri, hubungan pelabur serta pembangunan dan pengurusan hab teknologi.

"Selain aspek pembangunan bandar, pengumuman kerajaan dalam meningkatkan pembangunan dan usahawan ICT juga secara tidak langsung memberi manfaat kepada syarikat inovasi yang menjalankan operasi di Cyberjaya.

"Ia dijangka mengubah bandar ini kepada destinasi teknologi yang penting melalui penawaran pelbagai rumusan ICT. Ia juga selaras



FARIS

dengan program pembangunan bakat yang kami jalankan termasuk untuk syarikat pemula, ujian protaipa, PKS dan bakat muda," katanya.

Menurutnya, pihaknya percaya bahawa peruntukan berkenaan penting kepada Cyberjaya kerana ia bukan saja meningkatkan sumber yang diperlukan namun, turut menjadi aspek utama dalam mengubah bandar ini kepada destinasi pintar.

Kuala Lumpur

Jangka perolehan RM39 bilion tahun depan

Prestasi perolehan Malaysia dijangka mampu mengukuh pada tahun depan berikutan pelaksanaan cukai yang mapan terutama membabitkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), korporat dan perniagaan.

Ia sejajar dengan usaha kerajaan untuk menampung semula prestasi perolehan daripada sektor minyak yang berdepan dengan cabaran kemerosotan harga sejak ke belakang ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri

Ahmad Husni Mohamad Handzlah berkata, kerajaan menjangkakan GST mencatatkan perolehan RM39 bilion tahun depan dan angka itu lebih tinggi daripada pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) hanya RM17 bilion pada 2014.

Beliau berkata, kerajaan juga menjangkakan kutipan cukai korporat lebih tinggi sebanyak RM4 bilion tahun depan membantu menjana pendapatan negara.

oleh Kuala Lumpur Debt Ventures Bhd (MDV)

RM35 JUTA

RM35 juta kepada MaGIC, sebagai Peneraju Hab Keusahawanan dan Inovasi Serantau, termasuk RM10 juta sebagai dana permulaan untuk Corporate Entrepreneurs Responsibility Fund.

RM30 JUTA

RM30 juta untuk pelbagai program keusahawanan generasi muda seperti Global Entrepreneurship Community, BAHTERA, GREAT, 1MET, National Innovation Competition serta Projek Perintis Coding di sekolah

RM50 JUTA

RM50 juta untuk Public-Private Research Network

RM235 JUTA

RM235 juta untuk Program Promosi 1Malaysia, Dana Eksport Perkhidmatan dan Dana Promosi Eksport di bawah Matrade

PKS boleh menuntut pengecualian cukai pendapatan sebanyak 10 atau 15 peratus daripada nilai peningkatan eksport

PKS diberi kelonggaran mematuhi syarat nilai tambah iaitu daripada 30 peratus kepada 20 peratus dan 50 peratus kepada 40 peratus bagi produk perkilangan bagi tahun taksiran 2016 hingga 2018

RM50 RIBU

PKS yang membuat perbelanjaan untuk projek R&D sehingga RM50,000 bagi setiap tahun taksiran, layak menuntut potongan cukai dua kali secara automatik bagi tahun taksiran 2016 hingga 2018